

MUZIUM DAN KEDAULATAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA

Ahmad Farid Abd Jalal, DIMP.

Perbadanan Muzium Negeri Pahang

Abstrak

Istana merupakan sebuah institusi yang berperanan sebagai muzium zaman silam di alam Melayu. Ia menjadi tempat mengumpul segala bentuk kesenian, warisan dan adat resam setempat seperti manuskrip, senjata, ukiran, tekstil serta hasil kerja yang terbaik dan berkualiti tinggi sehingga menjadi rujukan sehingga ke hari ini. Dan Islam menjadi pemangkin kepada kebangkitan tamadun di alam Melayu. Kertas kerja ini akan menjelaskan idea dan gagasan penubuhan muzium yang diperkenalkan pada zaman British bermula di Perak, Sarawak dan Selangor. Ia bermula daripada masyarakat Eropah yang menganut falsafah Renaissance yang sarat dengan agenda penjajah. Mereka berusaha mengumpul segala bentuk maklumat tentang masyarakat tanah jajahan untuk dijadikan bahan spesimen etnografi dan menjadi asas kepada penubuhan British Museum di London pada 15 Januari 1759. Turut menjelaskan tentang tujuan penubuhan muzium di tanah jajahan yang mendukung agenda kolonialisme. Kajian ini juga menerangkan tentang kepesatan perkembangan muzium pascamerdeka di Malaysia, jenis-jenis muzium di Malaysia yang merangkumi aspek umum, tematik, galeri diraja dan memorial, muzium-muzium yang berasal daripada bangunan istana dan inisiatif beberapa IPTA di Malaysia untuk mewujudkan muzium sendiri. Fokus perbincangan kertas kerja ini adalah membincangkan tentang peranan muzium dalam memartabatkan kedaulatan institusi beraja di Malaysia. Muzium sepatutnya berfungsi sebagai hub pendidikan khususnya dalam menyampaikan maklumat berkaitan institusi beraja di Malaysia. Kajian ini diharap dapat membantu memartabatkan institusi beraja sekali gus mengangkat warisan budaya khususnya di Malaysia.

Kata kunci: istana, muzium silam, gagasan muzium zaman British, kolonialisme, muzium pascamerdeka, peranan muzium dalam memartabatkan institusi beraja.

Pendahuluan

Sejarah kewujudan muzium di Malaysia dilihat bermula setelah kedatangan British iaitu sekitar 136 tahun yang lampau. Penubuhan Muzium Taiping, Perak pada tahun 1883, diikuti dengan Muzium Sarawak (1888) dan Muzium Selangor telah menjadi titik tolak kepada penubuhan muzium-muzium lain di Malaysia. Jika kita lihat koleksi-koleksi yang terdapat di muzium pada hari ini, terdapat banyak artifak yang berusia lebih daripada 300 tahun. Persoalannya, siapakah yang menjaga artifak sebelum wujudnya muzium? Sebelum kedatangan British ke alam Melayu, telah wujud satu institusi yang berfungsi sebagai 'muzium kuno' iaitu istana. Istana telah memainkan peranan sebagai sebuah institusi yang penting dalam memelihara dan menjaga khazanah warisan bangsa - nyata dan tak nyata. Terdapat beberapa contoh bangunan istana ditukar menjadi muzium di Malaysia. Antaranya ialah;

- a. Istana Besar Johor (1866). Dijadikan Muzium Diraja Abu Bakar, Johor pada 1982.
- b. Istana Kenangan, Istana Lembah dan Istana Tepas, Perak (1926). Dijadikan sebagai Muzium Diraja Kuala Kangsar pada 16 November 1986.
- c. Istana Kota Beram (1948). Dijadikan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang pada 17 Mac 1976.

- d. Istana Batu, Kelantan (1939). Dijadikan Muzium Diraja pada 25 Julai 1991.
- e. Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan (1908) dirasmikan sebagai Muzium Diraja pada 14 Julai 1992 bersamaan 14 Muharram 1413 Hijrah.
- f. Istana Negara Lama, Kuala Lumpur (1957). Dijadikan Muzium Diraja pada 1 Februari 2013 sehingga kini.

“Marahkan nyamuk kelambu jangan dibakar.” Ramai dalam kalangan masyarakat pada hari ini memperlekeh dan mempertikai peranan yang dimainkan oleh istana. Kita sepatutnya menghargai dan tidak menafikan kepentingan dan peranan istana dalam menjaga khazanah bangsa di alam Melayu. Dalam masa yang sama, usaha membangunkan negara kita banyak bergantung kepada tulisan/sejarah lama yang tertulis dalam manuskrip. Sebagai contoh karya *Sulalatus Salatin*, *Tuhfat al-Nafis*, Hikayat Pahang, Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, kitab-kitab agama dan lain-lain. Daripada karya-karya manuskrip yang dikelola oleh institusi diraja ini, kita dapat mengetahui banyak perkara berkaitan khazanah warisan bangsa. Jika seseorang raja melakukan kesalahan, kita tidak boleh menyalahkan institusi beraja tersebut secara keseluruhannya. Jangan sebab marahkan nyamuk kelambu kita bakar.

Istana Sebagai Muzium Zaman Silam di Alam Melayu

Istana adalah tempat di mana segala bentuk hikayat, epik, puisi dan kesusasteraan klasik dikarang, ditulis oleh para ilmuwan dan jurutulis yang mendokumentasi dan meriwayatkan tentang perihal kehidupan, adat-istiadat, hiburan, susur galur keturunan (*genealogy*), hal-ehwal politik istana, adat resam dan kebudayaan, ilmu perubatan dalam menyembuhkan penyakit, serta pelbagai lagi cara hidup masyarakat ketika itu. Hikayat-hikayat dan catatan lama ini dicatat dalam tulisan jawi dan disalin semula beberapa kali oleh jurutulis istana dan menjadi rujukan penting pada ketika itu. Sebuah hikayat boleh dianggap sebagai sebuah etnografi klasik Melayu, ditulis dalam tulisan jawi dan meriwayatkan segala perincian kehidupan sosial di dalam sesebuah istana selain menyentuh perihal rakyat kebanyakan.

Di antara peranan utama istana dalam berfungsi sebagai sebuah ‘muzium’ adalah dengan menjadi sebuah gedung bagi segala sumber ilmu pengetahuan dan tempat simpanan artifak warisan Melayu berharga yang menjadi perlambangan ketinggian tamadun alam Melayu ketika itu. Dari penulisan hikayat dan hukum kanun oleh jurutulis sultan sehinggalah kepada segala alat kebesaran diraja, selain instrumen-instrumen muzik berstatus seperti gamelan, nobat dan nafiri; dari koleksi senjata Melayu tradisi yang terdiri dari pelbagai koleksi keris hinggalah ke tekstil persalinan golongan bangsawan seperti tenun dan songket yang berkualiti tinggi pembuatannya.

Malah keagungan seni bina bangunan istana kayu tempat bersemayam sultan memerintah ketika itu juga menjadi sebuah monumen kegemilangan bukti ketinggian estetika dan kehalusan seni kraf ukiran kayu serta mencerminkan kebijaksanaan pertukangan kayu alam Melayu ketika itu. Berikut merupakan suatu contoh catatan inskripsi yang menggambarkan kehebatan dan keagungan seni bina istana Sultan Mansur Shah Melaka (1460) yang terkandung di dalam hikayat agung Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*) karya Tun Seri Lanang:

“Besar istana itu tujuh belas ruang, ruangnya tiga-tiga depa, besar tiangnya sepemeluk, tujuh pangkat, kemuncaknya pun tujuh. Pada antara itu diberinya berko, maka pada segala ko itu diberi gajah menyusu (dan pada gajah menyusu) itu diberinya bubungan melintang; sekalinnya bersayap layang-layang dan sayap layang-layangnya itu semuanya berukir.”

*“maka orang Ungar(an) dan Orang berbuat istana,
sertanya orang Bentan Karang beramu akan dia,
orang Pancur Serapung berbuat balairung,
orang Buru balai mendapa,
orang Syoyar berbuat dia balai itu, balai apit pintu yang di kiri itu,
orang Sayung berbuat dia kandang,
orang Apung berbuat dia danu gajah,
orang Merbau berbuat dia penanggahan,
orang Sawang berbuat dia danu permandian,
orang Tungkal berbuat dia danu mesjid,
orang Tentai berbuat dia pintu pagar istana.’*

Petikan di atas merupakan contoh inskripsi terawal yang mendokumentasi mengenai aspek seni bina tradisional Melayu dahulu kala dengan memberikan perincian mengenai sebuah istana sultan yang gemilang di zamannya. Menurut kisahnya lagi, istana tersebut telah musnah teruk akibat kebakaran dan telah digantikan dengan sebuah istana yang baharu. Di sini dapat dilihat betapa pentingnya sebuah hikayat lama seperti *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* dalam mendokumentasi sejarah keagungan Melayu agar dapat diketahui oleh generasi-generasi mendatang.

Pihak istana kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada kurun ke-14 dahulu telah berperanan sebagai sebuah ‘muzium’ dengan menghasilkan sebuah hikayat lama yang akhirnya telah membantu generasi kita yang wujud 500 tahun kemudian dalam mengetahui dan mendapat gambaran mengenai rupa bentuk dan perincian istana agung ini. Inskripsi ini juga telah dijadikan asas rujukan sehingga membolehkan kita mendirikan sebuah replika Istana Sultan Mansur Shah yang dijadikan sebagai Muzium Kesultanan Melayu Melaka yang siap dibina pada tahun 1986 di Bandar Hilir, Melaka. Tinggalan-tinggalan istana silam inilah yang kita guna sebagai rujukan dalam kita memahami sejarah bangsa Melayu dan Malaysia pada hari ini.

Selain hikayat *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* karya Tun Seri Lanang (ditulis 1356, disunting semula 1612), di antara contoh lain karya agung warisan Melayu yang kita warisi semenjak dari zaman silam adalah seperti *Hikayat Hang Tuah* (mula ditulis 1700, manuskrip lengkap 1849), *Hikayat Merong Mahawangsa* (Sejarah Negeri Kedah - R.O. Winstedt mengusulkan tahun asalnya 1612, namun tidak dapat disahihkan), *Hikayat Iskandar Zulkarnain* (naskhah tertua yang masih wujud bertarikh 1713), *Hikayat Pahang* (naskhah A, 1932 & naskhah B, 1883) dan juga *Tuhfat al-Nafis* karangan Raja Ali Haji (1885).

Peranan istana sebagai sebuah pusat kesusasteraan dan gedung ilmu pengetahuan yang melahirkan pelbagai hikayat karya agung tidak hanya terhenti di situ. Kedatangan syiar Islam ke alam Melayu juga memperhebatkan lagi kemajuan serta kegemilangan tamadun Melayu ketika itu. Kitab-kitab panduan agama Islam yang dibawa bersama oleh para ulama dan syeikh dari Timur Tengah juga diterima pakai dan diterjemahkan dari bahasa asalnya iaitu bahasa Arab ke dalam bahasa tempatan menggunakan tulisan Jawi. Usaha-usaha murni seperti ini dititahkan oleh sultan sendiri dan dilakukan oleh para jurutulis dan golongan ilmuwan di dalam ruang lingkup istana. Berikut merupakan suatu kisah yang dipetik dari hikayat *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)* yang menyokong dakwaan ini:

“Maulana Abu Ishak seorang ulama Mekah telah menyuruh anak muridnya Maulana Abu Bakar membawa Kitab Duri’l Mazlum ke Melaka. Sultan Mansur Syah menyambut baik kedatangan Maulana Abu Bakar, malah Kitab Duri’l Mazlum diarak secara besar-besaran ke istana. Kemudian baginda sendiri telah berguru pada Maulana Abu Bakar. Kitab ini juga telah dibawa ke Pasai untuk diterjemahkan oleh Makhdum Patakan. Semua pembesar Melaka berguru pada Maulana Abu Bakar kecuali Kadi Yusoff.”

Setelah Islam semakin kukuh bertapak di alam Melayu, pengembangan tamadun Melayu yang berpaksikan syiar Islam diteruskan lagi dengan penggubalan hukum dan undang-undang yang ditulis oleh pihak pemerintah istana seperti manuskrip *Hukum Kanun Melaka* (disusun 1489) dan juga *Hukum Kanun Pahang* (semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Mahayuddin Syah, 1592-1614). Fakta ini menguatkan lagi bukti bahawa kedatangan Islam memelopori kebangkitan tamadun di alam Melayu dan menjadikan bangsa Melayu itu lebih gemilang serta meningkat tahap ilmu intelektualnya sehingga membentuk negara Malaysia pada hari ini.

Dalam kita berbicara mengenai peranan istana sebagai institusi permuziuman awal tamadun Melayu, ada sebuah lagi kisah di dalam konteks negeri Pahang sendiri yang tidak wajar dikesampingkan. Menurut catatan W. Linehan di dalam bukunya *A History of Pahang* (1936) di bahagian *Appendix IV (Selected Papers of Maharaja Perba)*, ada dicatatkan bahawa salah seorang dari Orang Besar Berempat negeri iaitu Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai yang bernama Wan Muhammad semasa hayatnya menyimpan ribuan artifak warisan alam Melayu dalam bentuk manuskrip serta dokumen rasmi. Semuanya disimpan dan dijaga rapi di kediaman beliau dan dikatakan bahan-bahan ini menyentuh pelbagai perihal.

Di antaranya seperti berikut: susur galur keturunan pembesar, kisah hal-ehwal politik di zaman Sultan Ahmad sebelum dan selepas menaiki takhta sebagai Sultan Pahang, darjat kedudukan Bendahara dan To’ Raja, kisah-kisah dalam bentuk pantun, catatan mengenai rundingan perdamaian pihak penjajah British dan pembesar tempatan, pembentukan Kuala Lipis sebagai pusat pemerintahan daerah, surat kuasa memungut cukai para pembesar negeri, catatan kisah-kisah Perang Pahang 1891-1895 dan pelbagai lagi. Malahan usaha pengumpulan serta dokumentasi sistematik yang dilakukan Maharaja Perba Jelai Wan Muhammad ini telah membangkitkan kekaguman Linehan sendiri. Walau bagaimanapun, apakah nasib yang menimpa segala manuskrip dan dokumen warisan negeri Pahang Darul Makmur yang amat berharga dan bersejarah ini tidaklah kita ketahui.

Muzium Zaman British

Ideologi dan gagasan penubuhan muzium hanya diperkenalkan ke rantau ini oleh para penjajah British bermula pada abad ke-19. Ilmu ini terus berkembang dalam abad ke-20 dan semakin meluas skopnya dengan kedatangan abad ke-21 apabila ilmu yang berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan mula menjadi topik yang hangat diperjuangkan oleh UNESCO. Banyak tapak bersejarah di seluruh dunia mula dikenalpasti dan diwartakan; di Malaysia khususnya, sebahagian kawasan bersignifikan sejarah di negeri Melaka dan Pulau Pinang telah disenaraikan sebagai tapak warisan dunia UNESCO.

Institusi muzium pertama kali di perkenalkan oleh British di Tanah Melayu. Institusi permuziuman di Malaysia bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping pada tahun 1883. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Residen British Perak ketika itu iaitu Sir Hugh Low

yang mengarahkan Leonard Wray Junior, seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan segala bahan berkaitan sejarah, sosio-ekonomi, etnologi, geologi, botani dan zoologi. (Peacock 1955)

Pada tahun 1888, Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak kedua, Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan. Bagaimanapun, bangunannya hampir musnah akibat terkena ledakan bom yang digugurkan oleh kapal terbang B29 tentera Bersekutu pada 10 Mac 1945 iaitu di akhir Perang Dunia Kedua. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara dibina di atas tapak yang sama dan dirasmikan penubuhannya pada 31 Ogos 1963.

Budaya Muzium ini berasal daripada masyarakat Eropah di abad ke 18-19 Masihi yang menganut dan mengamalkan falsafah Renaissance. Falsafah ini secara dasarnya berupa:

1. Sifat ingin mempelajari ilmu dan benda baru daripada dunia luar, yang telah mendorong pelbagai ekspedisi penjelajahan ke benua-benua lain di seluruh dunia.
2. Usaha mengumpul dan mengklasifikasi benda baru mengikut pengkhususan bidang seperti etnografi, botani, zoologi dan mineral untuk tujuan kajian dan penyelidikan. Di Britain sendiri telah lahir beberapa orang tokoh falsafah sains terkemuka, antaranya Charles Darwin dan Alfred Russel Wallace. Masyarakat British begitu mendalami kajian dan penemuan spesimen ras baru, selaras dengan teori evolusi yang dikemukakan oleh Darwin (Bronwen Douglas 2008).
3. Falsafah utilitarian yang mengambil manfaat daripada dapatan spesimen yang ditemui.

Tempoh masa era ini dikenali sebagai zaman pengumpulan segala bentuk data tentang masyarakat tanah jajahan yang menjadi bahan asas untuk muzium etnografi dan alam semula jadi (*Natural World*) di barat. Pada mulanya, segala usaha pengumpulan artifak ini dilakukan oleh golongan bangsawan. Bagi mengangkat taraf sosial dan prestij mereka, koleksi artifak yang ganjil dan berunsurkan sains ini dipertontonkan kepada orang ramai. Segala koleksi mereka disimpan dan dipamerkan dalam ruangan khusus yang dikenali sebagai '*cabinet of curiosities*'. Ia bagi memperlihatkan pengalaman mereka bertemu, berinteraksi dan membangunkan masyarakat primitif yang dijajah, selain sebagai satu lambang status sosial yang tinggi di kalangan golongan atasan British.

Apabila pemilik asal koleksi ini mati, ia kemudiannya diserahkan kepada muzium bagi menjamin proses penjagaannya. Satu contoh utama dapat dilihat pada kes Sir Hans Sloane (1660-1753), seorang doktor, ahli naturalis dan pengumpul yang telah menyumbangkan lebih 71,000 objek artifak yang dikumpulkan sepanjang hayatnya kepada King George II. Segala hasil koleksi artifak dalam pelbagai bentuk ini seperti buku, manuskrip, spesimen alam semula jadi selain objek antikuiti seperti syiling, pingat, cetakan dan lukisan serta bahan spesimen etnografi menjadi asas kepada penubuhan British Museum yang dibuka kepada awam pada tanggal 15 Januari 1759.

Di Tanah Melayu, para pentadbir dan juga sarjana kolonial British telah menyambung idea dan usaha dalam gagasan mewujudkan muzium milik British di Tanah Melayu. Usaha-usaha ini adalah kesinambungan dari tradisi falsafah di Great Britain yang gemar mengumpul, mengklasifikasi dan mempamerkan segala hasil koleksi yang diperolehi. Sebagai contoh, Winstedt dan Skeat merupakan dua orang tokoh sarjana-pentadbir British yang telah berusaha mengumpul data tentang masyarakat Melayu. Koleksi kajian mereka telah dipamerkan di

British Museum dan selain itu, koleksi bahan kajian kedua-dua tokoh ini telah menjadi tesis kedoktoran di University of London (Paulette Dellios 1999).

Apabila dikaji secara mendalam, tujuan utama penubuhan muzium oleh pihak pentadbir British adalah bagi memenuhi dan mendokong agenda kolonialisme mereka. Segala koleksi bahan dan artifak yang dikumpulkan daripada tanah jajahan dan koloni bermanfaat kepada pihak British di London dan juga di Tanah Melayu. Muzium yang dipelopori British ini berfungsi dan berperanan sebagai:

Pertama, sebagai alat dan instrumen untuk memahami serta mendalami sifat masyarakat peribumi di tanah jajahan dan koloni, seterusnya menjadi asas untuk menyediakan dasar yang difikirkan sesuai bagi memastikan pentadbiran British dapat bertahan lama di sesuatu tempat. Sebagai contoh, sejarah mencatatkan bagaimana Muzium Perak di Taiping ditubuhkan selepas berlakunya peristiwa pembunuhan Residen British pertama Perak iaitu James Wheeler Woodford Birch di Pasir Salak. Susulan dari peristiwa berdarah itu pihak British menyedari kesilapan mereka tentang betapa pentingnya mempelajari dan memahami adat resam dan budaya masyarakat Melayu tempatan. Bagi mengelakkan peristiwa sedemikian dari berulang, maka usaha-usaha mengkaji serta mendalami adat resam dan cara hidup tempatan secara ilmiah selain pengumpulan bahan artifak tempatan semakin giat dijalankan oleh pihak British. Segala usaha ini berjalan seiring dengan penubuhan Muzium Perak. Secara jelas, segala hasil kajian etnografi orang Melayu dihimpunkan dalam muzium tersebut untuk dijadikan panduan penting oleh para pentadbir British selepas J.W.W. Birch (Paulette Dellios 1999).

Kedua, British memperlihatkan peranan besar membangunkan Tanah Melayu kepada masyarakat luar. Pentadbir British dalam Persidangan Tanah Jajahan yang diadakan di London sering mengangkat kejayaan mereka membangunkan koloni melalui pelbagai infrastruktur fizikal yang disediakan seperti perancangan bandar, sistem jaringan jalan raya dan landasan kereta api, dan sebagainya. Antara bentuk infrastruktur fizikal terpenting yang dijadikan piawaian kejayaan mereka adalah penubuhan muzium di koloni (Maxwell 1983).

Ketiga, kajian dan paparan tentang sumber asli koloni yang berpotensi melahirkan pulangan ekonomi yang baik (Indra Sengupta dan Daud Ali 2011). Kurator British Museum akan menyediakan ruangan dan senarai khusus tentang klasifikasi geologi, botani, mineralogi dan zoologi koloni (Durrans 1988). Contohnya ialah tanaman getah yang merupakan hasil daripada pendekatan ini, apabila getah telah menjadi sumber ekonomi penting British di Tanah Melayu. Wakil Rajah Brooke di Sarawak pula dilaporkan telah membawa fakta maklumat botani dan mineral di Borneo ke England yang dapat menarik minat para pelabur England untuk melabur dalam ekonomi Borneo (Paulette Dellios 1999).

Secara ringkasnya, kita dapat memahami bahawa matlamat utama pihak British di Tanah Melayu adalah untuk menjajah dan menjarah sebanyak mungkin hasil bumi di koloni dan tanah jajahan. Untuk tujuan itu, mereka perlulah terlebih dahulu mendapatkan segala maklumat lengkap berkaitan setiap aspek masyarakat tanah jajahan. Daripada data yang terkumpul ini, mereka dapat mengetahui beberapa perkara; *pertama*, potensi sumber hasil bumi yang dimiliki di Tanah Melayu bagi memastikan segala pelaburan yang bakal diusahakan membawa keuntungan dan pulangan yang berbaloi; *kedua*, mengetahui segala bentuk ancaman yang bakal menggugat usaha mereka dan *ketiga*, menyusun masyarakat yang aman dan tidak akan memberi masalah kepada mereka. Kesemua data yang dikumpulkan ini berbentuk ketara (*tangible*) dan tidak ketara (*intangible*). Data dalam bentuk bahan bertulis akan disimpan di

arkib manakala bahan artifak akan diinventori dan dipamerkan di muzium (Syed Muhd Khairudin Aljunied 2011).

Kita tidak menafikan peranan yang dimainkan oleh British dalam ‘menjaga’ dan ‘memelihara’ warisan budaya Melayu. Namun, jika dilihat dari sudut falsafah dan tujuan penubuhan muzium di tanah jajahan adalah sebagai alat bagi membantu agenda kolonialisme dan euro-centric yang merendahkan masyarakat bukan barat (Kraft, Sarah 2018). Masyarakat tanah jajahan adalah objek bawahan yang hanya layak dijadikan bahan mati dalam pameran galeri muzium kolonial. Mereka menafikan sifat dinamisme masyarakat tanah jajahan, ia dianggap bersifat ahistoris, statik dan tidak boleh berubah ke arah yang lebih baik. Kita juga dapat melihat banyak manuskrip dan artifak bernilai negara kita dibawa pulang ke negara mereka. Ada yang masih tersimpan dan ada yang musnah dalam perjalanan akibat kapal tenggelam, terbakar dan sebagainya.

Muzium Pasca Merdeka

Mengikut Abu Talib Ahmad, perkembangan muzium di Malaysia pasca merdeka amat pesat sekali. Daripada hanya tiga buah muzium yang diperkenalkan oleh British, ia berkembang di zaman selepas merdeka pada tahun 2013 menjadi sebanyak 189 buah muzium (Abu Talib Ahmad 2015). Ia terbahagi kepada empat jenis, iaitu umum (memberi penekanan pada sejarah-budaya), tematik (khusus pada tema seperti arkeologi, hutan, padi, seni dan lain-lain), galeri diraja (tumpuan pada khazanah diraja) dan memorial (tertumpu pada peringatan peristiwa atau tokoh tertentu) (Abu Talib Ahmad 2012). Untuk sektor ekonomi, agensi muzium telah menjadi penjana ekonomi negara apabila ia dijadikan destinasi produk pelancongan. Muzium juga telah dijadikan sebagai alat bantu untuk institusi pendidikan.

Menariknya, terdapat beberapa IPTA di Malaysia yang turut mengambil inisiatif untuk mewujudkan muzium mereka sendiri yang dibina di dalam kawasan kampus. Antara yang terawal ialah Universiti Malaya (UM) yang mewujudkan Muzium Seni Asia (dibuka 1980) dan juga Muzium Zoologi (bangunan baru dibuka pada 1999) yang menempatkan koleksi terbesar spesimen fauna negara yang dikumpul sejak 60 tahun lepas yang mana sebahagiannya berasal dari Raffles Museum Singapura dan Muzium Negara. Beberapa muzium IPTA lain antaranya adalah Muzium Pendidikan Nasional (dibuka 2011) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak; Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (Hasnul J Saidon 2011) di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang; Muzium Warisan Akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi; Galeri Kajian Alam Bina Melayu atau KALAM (ditubuhkan 1996) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai; dan yang paling terkini adalah Muzium Warisan Melayu (dibuka 2013) di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Sungguhpun dari segi akademik, muzium ini boleh dipecahkan kepada beberapa kategori berbeza, namun dari rangka operasi, ia tetap menjalankan fungsi yang sama, iaitu memberikan pendidikan berkaitan sejarah dan budaya kepada masyarakat.

Menurut Mohd Azmi Mohd Yusof, muzium beroperasi melalui tiga kegiatan utama, iaitu pertama, mengumpul, menyelidik dan memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam yang penting kepada negara; kedua, mendokumentasi serta menerbitkan hasil penyelidikan; dan ketiga, memberikan khidmat pengembangan ilmu melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum, persidangan serta khidmat lawatan berpandu ke galeri pameran (Mohd Azmi Mohd Yusof 2013). Walaupun muzium menjalankan pelbagai kegiatan dalam operasinya, namun, kegiatan pengembangan ilmu itulah yang boleh dikatakan paling menonjol terutama dari aspek pameran (Jennifer Kim Lian Chan & Eileen Yeoh 2010).

Sekiranya pihak sekolah mengguna pakai kurikulum untuk menyalurkan pendidikan sejarah secara formal kepada para pelajar, maka muzium memanfaatkan galeri pameran untuk mendidik anggota masyarakat berkenaan hal serupa melalui kaedah tidak formal. Mengambil contoh galeri pameran di Muzium Negara Kuala Lumpur, ia mendedahkan secara tepat perkembangan sejarah negara kepada pengunjung merentasi sempadan zaman, iaitu melalui era pra-sejarah, negeri Melayu di abad ke-19, zaman penjajahan dan era kontemporari Malaysia (Abu Talib Ahmad 2013).

Tempoh had masa ini dianggap agak komprehensif walaupun disampaikan secara visual, ringkas serta tidak formal kepada para pengunjung muzium. Meskipun formaliti artikulasi sejarah di muzium sedikit longgar berbanding dengan sekolah, namun naratif pamerannya masih terkawal terutama muzium seliaan khusus kerajaan. Bagi Abu Talib Ahmad, muzium masih merupakan sebahagian jentera yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memupuk semangat patriotik dan kenegaraan dalam rangka pembinaan negara-bangsa (Abu Talib Ahmad 2008). Apa yang akan diutamakan dalam pameran ditetapkan berdasarkan sejauh mana sesuatu isu sejarah itu mampu menyumbang pada usaha memperkukuh agenda pembinaan negara-bangsa tadi. Justeru, walaupun orientasinya berbeza, namun naratif muzium boleh dikatakan selaras dengan apa yang biasa dipaparkan di sekolah. Sekaligus, ia meletakkan fungsi institusi ini sama pentingnya dengan sekolah dari aspek artikulasi sejarah.

Bagi sarjana pendidikan, terdapat kelebihan pada muzium untuk tujuan pendidikan (Azman Ligun 2017). Antaranya adalah institusi ini dapat menimbulkan minat dan kefahaman pelajar dengan subjek sejarah yang dipelajari secara teori di sekolah (Ab Samad Kechot 2012). Ini kerana pemahaman ini dapat dijana melalui pemerhatian langsung pada galeri di muzium (Badrul Isa 2017).

Definisi Muzium

Sejak penubuhan ICOM pada tahun 1946, ia memainkan peranan utama di dalam bidang permuziuman antarabangsa. Menurut Statut ICOM yang diterima pakai oleh Perhimpunan Agung ke-22 di Vienna, Austria, pada 24 Ogos 2007:

“Sebuah muzium adalah institusi tanpa keuntungan, ia kekal berkhidmat untuk masyarakat dan pembangunannya, dan ia terbuka kepada orang awam; ia memperoleh, melestarikan, menyelidik, berkomunikasi dan mempamerkan warisan manusia yang ketara dan tidak ketara di dalam persekitarannya untuk tujuan pendidikan, pembelajaran dan untuk dinikmati semua.”

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan, institusi muzium ini berserta dengan semangat dan metodologi telah dikekalkan. Ia dapat dianggap sangat menguntungkan kerana memiliki falsafah intelektual yang amat dinamik. Hal ini dapat daripada beberapa sudut utama. Pertama, wujudnya ICOM (*International Council of Museum*) yang menaungi kesemua muzium di seluruh dunia; sama ada di negara maju, sedang membangun dan mundur. ICOM ini bertindak sebagai badan induk yang memperkenalkan pelbagai program penambahbaikan muzium yang sepatutnya. Ia mengambil kira aspirasi kesemua negara ahli. Kedua, ICOM telah membawa falsafah *new muzium* yang dilihat mampu memperbetulkan kesalahan konsep muzium silam yang lebih berorientasikan kepentingan penjajah (Hooper-Greenhill 2000).

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, muzium telah berubah secara radikal. Institusi ini jelas lebih menitik-beratkan keperluan semasa dan tidak lagi mencerminkan apa yang ditakrifkan oleh ICOM dahulunya. Justeru, ICOM mengundang pihak yang berkenaan untuk mencadangkan takrif baru yang lebih tepat.

Pada sesi ke-139 di Paris, pada 21-22 Julai 2019, jawatankuasa tetap Definisi Muzium, Prospek dan Potensi, Lembaga Eksekutif ICOM telah mencapai keputusan untuk memilih pernyataan di bawah sebagai definisi alternatif baru untuk diundi dan dimasukkan ke dalam Statut ICOM pada Perhimpunan Agung Luar Biasa (EGA) pada 7 September 2019, di Pusat Persidangan Antarabangsa Kyoto (ICC Kyoto) di Kyoto, Jepun:

“Muzium adalah sebuah demokrasi, sebuah ruang inklusif dan polifonik untuk dialog kritikal tentang masa lalu dan masa hadapan. Mengakui dan mengatasi konflik dan cabaran masa kini, muzium akur memegang amanah masyarakat untuk menyimpan dan memelihara artifak dan spesimen yang tidak ternilai harganya. Muzium memelihara kenangan dan sejarah yang pelbagai untuk generasi akan datang, dan menjamin hak dan akses yang sama kepada semua.”

“Muzium bukan untuk keuntungan. Muzium adalah sebuah institusi yang partisipatif dan telus. Muzium berkhidmat dan berkerjasama secara aktif dengan masyarakat dan pelbagai pihak untuk mengumpul, memelihara, menyelidik, mentafsirkan, mempamerkan, dan meningkatkan pemahaman dunia. Kesemua usaha ini bertujuan untuk menyumbang kepada pemeliharaan maruah manusia, keadilan sosial, kesamaan global dan kesejahteraan bersama.”

ICOM menetapkan beberapa parameter dan definisi baru perlu;

- jelas menyatakan penyatuan yang unik dan penting dalam muzium, terutama sekali dalam fungsinya untuk mengumpul, memelihara, mendokumentasikan, menyelidik, dan mempamerkan koleksi atau lain-lain bukti warisan budaya;
- jelas menyatakan tujuan sebenar muzium, dan dari asas nilai apakah muzium memenuhi kehendak dan tanggungjawab kesinambungan dan kelangsungan, etika, politik, sosial dan budaya pada abad ke-21;
- menerima hakikat krisis alam semula jadi dan betapa pentingnya membangunkan dan melaksanakan penyelesaian yang mampan;
- mengakui dan mengiktiraf kewujudan ketaksamaan (*inequality*) di dalam masyarakat, juga asimetri kekuasaan dan kekayaan di seluruh dunia serta di peringkat kebangsaan, serantau dan di peringkat tempatan (ketaksamaan sosio-ekonomi memberi kesan kepada budaya dan warisan manusia secara menyeluruh);
- mengakui dan menghormati pandangan semesta, keadaan dan tradisi yang berbeza antara muzium di seluruh dunia;
- menyatakan komitmen muzium untuk menjadi tempat pertemuan bermakna dan sebagai platform terbuka untuk pembelajaran dan perubahan semasa;
- menyatakan komitmen, perpaduan dan kerjasama di antara pakar permuziuman dan juga peranan yang dimainkan di dalam komuniti masing-masing; dan
- menyatakan akauntabiliti dan ketelusan muzium memperoleh dan menggunakan sumber bahan, kewangan, sosial dan intelektual.

Muzium dan Kedaulatan Sistem Beraja di Malaysia

Perlembagaan Persekutuan meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua utama negara (per. 32), yang secara undang-undangnya menganggotai tiga badan kerajaan, iaitu badan Perundangan (Legislatif), Badan Pemerintah (Eksekutif) dan Badan Kehakiman (Judisiari). Perkara 44 meletakkan Yang di-Pertuan Agong sebagai satu daripada tiga unsur Parlimen. Baginda mempunyai kuasa memanggil, menangguh dan membubarkan Parlimen (per. 55) serta meletakkan cop mohor kepada Rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Badan Perundangan dalam proses penggubalan undang-undang (per. 66). Baginda merupakan Pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera (per. 41). Yang di-Pertuan Agong berkuasa mengampunkan dan menangguhkan sesuatu hukuman (per. 42). Baginda bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu serta kepentingan bangsa lain (per. 153). Melalui kuasa budi bicara, menitahkan Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu (per. 40(2)(c)).

Yang di-Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri, Pulau Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah (per. 3). Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa budi bicara untuk melantik Perdana Menteri daripada mana-mana ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan (per. 40(2)(a) dan 43(2)(a)). Baginda juga boleh menggunakan kuasa budi bicara untuk membubar Parlimen sekiranya terdapat permintaan Perdana Menteri (per. 40(2)(a)(b)). Baginda mempunyai kuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah Menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri (per. 43(5)). Yang di-Pertuan Agong boleh membuat pengisytiharan darurat (per. 150) dan juga membuat undang-undang (ordinan) darurat sekiranya kedua-dua Dewan Parlimen tidak bersidang secara serentak (per. 150(2B)). Atas nasihat Perdana Menteri, baginda mempunyai kuasa melantik ahli suruhanjaya-suruhanjaya yang ditubuhkan oleh Perlembagaan, seperti Suruhanjaya Polis (per. 140) dan Pelajaran (per. 141A). Baginda juga melantik Peguam Negara atas nasihat Perdana Menteri (per. 145).

Selain daripada kuasa dan peranan, kedudukan Institusi Raja dijamin oleh Perlembagaan. Antaranya, walaupun ahli Dewan Parlimen mempunyai kebebasan untuk membuat apa-apa pernyataan berkaitan Raja-Raja Melayu, namun mereka tidak dibenarkan untuk menganjurkan atau mencadangkan pemansuhan Institusi Raja dalam apa juga prosiding Parlimen (per. 63(5)). Pindaan Perlembagaan terhadap apa juga peruntukan berkaitan Majlis Raja-Raja (per. 380 dan keutamaan Raja (per. 70) juga tidak boleh dilaksana tanpa perkenan Majlis Raja-Raja (per. 159(5)). Dalam aspek perundangan, kedudukan Raja-Raja Melayu agak terselamat bukan sahaja atas kapasiti kedudukan umum, tetapi juga keselamatan diri. Di samping peruntukan Perlembagaan seperti mana yang telah disebut di atas, undang-undang jenayah negara juga menjaga kedudukan Raja-Raja Melayu. Undang-undang yang begitu relevan ialah Kanun Keseksaan. Tindakan menentang Raja, yang dikategorikan sebagai kesalahan terhadap lima negara, adalah kesalahan yang boleh dihukum penjara seumur hidup ataupun hukum bunuh. Misalnya kesalahan berperang melawan Raja-Raja. Hukuman bunuh juga boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan kesalahan terhadap tubuh badan Raja atau bakal pengganti Raja. Sementara itu penjara seumur hidup atau denda boleh dikenakan ke atas mana-mana orang yang dibuktikan sebagai merancang untuk memecat atau melucutkan Raja daripada takhta mereka.

Manakala Undang-Undang Tubuh atau Perlembagaan negeri pula merupakan undang-undang yang menjadi sumber atau sandaran dalam perundangan bagi negeri. Ia menjadi

lambang kedaulatan negeri dan lambang kepada kebesaran serta pemasyhuran raja pemerintah. Ia meletakkan cara, atau tatacara hidup bernegara bagi sesebuah negeri. Walaupun kedudukannya wujud sejak sekian lama, namun tidak ramai khalayak yang benar-benar mengenali sejarah dan perkembangannya. Kedudukan Undang-Undang Tubuh sesebuah kerajaan, termasuk kerajaan Pahang adalah bermula lebih awal daripada kewujudan Persekutuan Tanah Melayu 1957 atau Persekutuan Malaysia 1963. Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang telah memperuntukkan bahawa institusi beraja menjadi tonggak utama dalam pemerintahan. Undang-undang ini antara lainnya menyebut tentang; memasyhurkan kedudukan Raja Pemerintah; Waris-Waris; Keturunan; Pemilihan, Pelantikan dan Menabalkan Raja Pemerintah; Turun Takhta dan Penurunan Takhta; Isteri Raja: Jumaah Pamangku Raja; Waris Ganti; Agama Negeri; Majlis Adat Istiadat Negeri Pahang; Jumaah Pangkuan Diraja Negeri; Had Kuasa Raja Pemerintah. Semua peruntukan ini menunjukkan tentang kedudukan istimewa institusi diraja di Malaysia.

Pentingnya muzium dalam pengekaln kedaulatan/sistem beraja di Malaysia

Kod etika profesional ICOM (*ICOM Code of Profesional Ethics*) yang disahkan dalam Mesyuarat Agung ICOM ke-115 di Buenos Aires, Argentina pada 4 November 1986 menjadi panduan dan rujukan oleh kebanyakan institusi muzium di dunia dalam usaha memantapkan pengurusan serta meningkatkan imej muzium sebagai pusat pendidikan sejarah negara (Redzuan Tumin, 2004:17).

Secara asasnya muzium merupakan satu saluran komunikasi sosial yang menghubungkan antara penyampai dengan masyarakat sasaran yang mempunyai tujuan dan matlamat tertentu. Komunikasi ini terbentuk melalui aktiviti-aktiviti yang disertai dan ilmu pengetahuan yang diperolehi semasa proses pembelajaran. Biasanya penyampaian pameran berkomunikasi dalam dua bentuk iaitu bentuk pertama adalah komunikasi secara tidak langsung kepada pengunjung seperti penerangan melalui gambar, foto, objek ataupun tayangan video yang dipamerkan dalam sesebuah pameran manakala komunikasi kedua pula adalah secara langsung ataupun penerangan lisan dalam menghuraikan perkara-perkara secara bersemuka dan perbincangan dalam kalangan pengunjung semasa pameran dijalankan (Muhd Abi Sofian Abd Halim, 2005:4).

Oleh itu, kekuatan muzium umumnya terletak pada sesebuah pameran yang dipamerkan dan dipersembahkan kepada pengunjung dengan menggunakan kaedah atau teknik-teknik yang menarik serta interaktif yang tidak mengira sama ada pameran bersifat tetap, sementara, bergerak dan khas. Di Malaysia, muzium pada peringkat awalnya dikenali sebagai 'sekolah gambar' kerana selain artifak arkeologi, gambar-gambar bersejarah turut dipamerkan kepada pandangan umum. Walau bagaimanapun, peredaran masa dan pertambahan pengalaman terutama yang ada kaitan secara langsung dengan pengurusan serta aktiviti-aktiviti muzium telah berjaya membentuk sebuah identiti baru bagi muzium agar lebih menarik minat masyarakat umum untuk mengunjunginya

Hal ini secara tidak langsung turut mengubah pandangan orang ramai terhadap institusi muzium. Manusia mula membuka mata dan hati mereka dengan menerima bahawa institusi seperti muzium ini amat penting bagi mengelakkan kepupusan segala bentuk artifak, bahan-bahan sejarah, barang peninggalan nenek-moyang dan adat warisan sesebuah kaum. Selain itu, muzium juga berfungsi sebagai sebuah institusi berasaskan pendidikan sepanjang hayat yang memberikan ilmu pengetahuan berguna kepada generasi baru dan generasi yang akan datang berkaitan sejarah serta warisan negara.

Dalam memainkan peranan dalam pengekal sistem beraja di Malaysia, muzium dilihat sebagai institusi yang menekankan aspek pendidikan. Ia perlu menerapkan kesedaran sejarah tentang peranan yang dimainkan oleh institusi beraja Melayu. Muzium tidak harus dilihat sebagai institusi yang hanya memaparkan kehebatan institusi diraja Melayu. Sebaliknya ia harus dilihat secara mendalam membabitkan elemen falsafah khususnya apa yang disumbangkan oleh institusi terbabit. Maksudnya, ia sepatutnya menjana pemikiran sejarah bagi setiap pengunjung. Secara umumnya, kemahiran pemikiran sejarah ini merujuk kepada proses berfikir secara analitis, kritis dan kreatif bertujuan memahami peristiwa yang berlaku pada masa lalu untuk dihubungkan dengan masa kini dan sebagai persediaan untuk masa akan datang. Terdapat lima kategori pemikiran sejarah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;

1. **Memahami kronologi:** Ia bermaksud memahami kronologi perjalanan sejarah masa lalu, kini dan masa akan datang mengikut urutan tentang sesuatu peristiwa sejarah yang berlaku. Ia adalah kemahiran memahami konsep masa mengikut kemajuan sesuatu tamadun, memahami peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya.
2. **Menerokai bukti:** Ia adalah kemampuan meneroka bukti atau sumber sejarah mengikut hiraknya, membuat perbandingan antara sumber dan mendapatkan maklumat daripadanya. Seorang guru sejarah berperanan membimbing murid untuk menerokai bukti melalui kajian gambar, dokumen sejarah dan surat khabar untuk membuat pertimbangan menggunakan akal fikiran mengesahkan sesuatu pernyataan atau sebab sesuatu peristiwa sejarah.
3. **Membuat interpretasi:** Ia adalah kemahiran membuat ulasan dan kupasan terhadap sesuatu peristiwa sejarah supaya memahami perkaitan antara fakta sejarah dan tafsiran sejarah. Kemahiran membuat interpretasi ini juga bermakna masa lalu difahami melalui pemerhatian dan interpretasi yang sistematik sehingga dapat membantu individu hidup dengan lebih baik pada masa hadapan.
4. **Membuat imaginasi:** Ia adalah kemahiran menghayati secara visual dan empati sesuatu situasi dalam peristiwa silam sejarah. Ia mampu membuat imaginasi dalam bentuk menghayati peristiwa sejarah, menyatakan perasaan, memainkan peranan watak dan membayangkan diri berada dalam peristiwa sejarah.
5. **Membuat rasionalisasi:** Ia adalah penggunaan akal dalam membuat pertimbangan yang wajar bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Ia membabitkan proses mengumpul data, membuat hipotesis, menentukan signifikan bukti dan membuat inferens daripada data yang dikumpul dapat membimbing dalam untuk membuat keputusan yang lebih baik pada masa hadapan. Membuat rasionalisasi bermaksud membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam menyelesaikan masalah, menjelaskan sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah, kesan, dan akibat setelah mencari bukti, membuat imaginasi dan membuat interpretasi sesuatu peristiwa sejarah.

Muzium secara umumnya perlu menonjolkan kepada pengunjung tentang keperluan mempertahankan institusi beraja di Malaysia. Menurut Firdaus Haji Abdullah, walaupun sistem diraja sering ditohmah sebagai sistem monarki yang *out of dated*, tetapi ia mampu membantu mempertahankan kedaulatan Melayu-Islam. Ada lima alasan kenapa sistem beraja wajib dipertahankan;

1. Sistem beraja boleh mengatasi persaingan politik sedangkan kepala negara yang mencapai kedudukannya melalui pilihan raya, tidak mungkin. Sistem ini mewakili seluruh negara sedangkan kepala negara yang dipilih melalui proses demokrasi terpaksa berpihak atau partisan dan adakalanya terpaksa “membayar hutang” (sama hutang budi atau hutang benda) kepada media atau parti politik.

2. Institusi raja lebih mudah berperanan sebagai “tenaga penyatu” di kalangan rakyat.
3. Kewujudan sistem beraja akan menyukarkan (menghambat) perubahan radikal atau perubahan total politik sesebuah negara. Ia akan membawa kestabilan dengan menggalakkan perubahan secara beransur-ansur dan mengelakkan perubahan melampau (ekstremisme).
4. Sistem beraja memiliki daya tarik dan “aura” serta kedudukan yang dihormati atau “daulat” untuk mengambil keputusan muktamad dan penting pada saat-saat genting. Antara contoh yang pernah disebut ialah keputusan Maharaja Hirohito dari Jepun untuk menyerah kalah kepada pihak Bersekutu di akhir Perang Dunia Kedua, walaupun pihak kuasa tentera ingin melawan terus. Keputusan Hirohito telah menyelamatkan ratusan ribu nyawa.
5. Institusi beraja adalah gudang atau gedung tempat terhimpunnya tradisi dan kesinambungan dari masa lalu dalam proses perubahan zaman. Institusi raja mengingatkan tentang asal-usul kita.

Muzium juga sepatutnya mendedahkan peranan Durbar atau majlis raja-raja Melayu dalam sejarah Malaysia. Durbar secara kolektif telah berperanan sebagai juru bicara, menzahirkan suara, membela nasib dan melindungi kepentingan bangsa. Ia merupakan satu forum bagi raja-raja membincangkan perkara-perkara menyentuh urusan negeri dan rakyat. Pada asasnya mesyuarat Durbar memperlihatkan tanggungjawab bersama raja-raja sebagai pelindung orang Melayu (Abdul Aziz Bari 1996).

Raja-Raja Melayu peka dan memahami denyut nadi dan denyut jantung rakyat. Antara isu membabitkan rakyat yang disuarakan adalah isu Agama Islam, penggunaan Bahasa Melayu dalam pentadbiran, pemilikan tanah, Pegawai Tadbir Melayu, bidang kuasa penghulu dan kadi, Rejimen Askar Melayu, pendidikan bangsa, The Malay College Kuala Kangsar, Sultan Idris Training College, Kolej Tunku Kursiah, penubuhan tabung pendidikan dan biasiswa di setiap negeri dan emansipasi wanita Melayu.

Dalam sejarah Malaysia, dua isu utama dicatatkan telah menjadi agenda perjuangan Durbar raja-raja Melayu. *Pertama*, isu kebimbangan terhadap sektor perlombongan yang meminggirkan orang Melayu sedangkan sektor pertanian yang merupakan sumber ekonomi utama orang Melayu diabaikan. *Kedua*, isu kebimbangan akan kemungkinan orang Melayu menjadi kaum minoriti disebabkan imigrasi secara besar-besaran. Raja-Raja Melayu menzahirkan kebimbangan terhadap pelantikan Sir Henry Gurney sebagai Pesuruhjaya di Tanah Melayu pada tahun 1948 berasaskan apa yang pernah dilakukan terhadap penduduk Arab, ketika Henry Gurney bertugas sebagai Setiausaha Negara di Palestin. Raja-Raja Melayu turut menzahirkan pandangan terhadap rancangan penempatan semula yang dianggap mencuri hak tanah kepunyaan Melayu (Kumar Ramakrishna 2002).

Penutup

Sebagai sebuah badan yang menjaga warisan bangsa, Muzium Negeri Pahang komited dalam membantu sektor pendidikan dan pelancongan melalui proses *decolonisation* dan *reinstitution*. Melalui proses *decolonisation*, Muzium Pahang bertekad membawa kembali artifak/manuskrip yang ada di luar negara khususnya berkaitan dengan negeri Pahang untuk dijaga, disimpan dan digunakan bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan. Manakala proses *reinstitution* pula dilakukan dengan mengembalikan peranan muzium sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan khususnya berkaitan institusi beraja bagi mengembalikan kesenian dan kebudayaan seterusnya menjadi hub warisan bagi masa akan datang.

Rujukan

- Ab Samad Kechot. 2010. Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal, *Jurnal Melayu* (5), h.285-293.
- Ab Samad Kechot. 2012. Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya, *GEOGRAFIA (Journal of Society and Space)*, issue 8, h. 35-46.
- Abdul Aziz Bari. 1996. *The Development and Role of Constitutional Monarchy in Malaysia*, Tesis PhD untuk University Birmingham, h.193-194.
- Abu Talib Ahmad. 2008. State Museums and Their Representations of the Past in Malaysia, *JMBRAS*, Vol. 81, Bah. 2, h. 45-46.
- Abu Talib Ahmad. 2012. 'Muzium, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya', Dalam Abu Talib Ahmad (ed.), *Utara Semenanjung Malaysia: Esei-esei Warisan*, Pulau Pinang, Penerbit USM, h. 208-209.
- Abu Talib Ahmad. 2013. Muzium dan Penghayatan Sejarah Negara, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM, h. 2.
- Abu Talib Ahmad. 2015. 'Museums in the Northern Region of Peninsula Malaysia and Cultural Heritage', *Kemanusiaan*, Vol. 22, No. 2, h. 24.
- Abu Talib Ahmad. 2015. 'Penang Museums, Culture And History', *Kajian Malaysia*, Vol. 33, Supp. 2, 2015, 153–174.
- Azman Ligon. 2017. Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 5, Isu 1 [19], h. 19-30;
- Badrul Isa. 2017. *Museum Pedagogy and Learning Experiences: An Investigation into Museum Education from Instructional Perspectives*, Tesis Phd untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.
- Bronwen Douglas. 2008. Emergence: Thinking the Science of Race, 1750-1880, dalam (edt.) Bronwen Douglas and Chris Ballard, *Foreign Bodies Oceania And The Science of Race 1750-1940*, ANU press, h.33-98.
- Durrans, B. 1988. 'The Future of the Other: Changing Cultures on Display in Ethnographic Museum', dalam *The Museum Time-Machine*, Ed. R. Lumley, Routledge, London, h. 144-169.
- Hasnul J Saidon. 2011. Penyesuaian Hasil Dapatan Kajian Pelanggan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Strategi Kuratorial Pameran e-CITRA, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. Jil./Vol.10, h. 2-39;
- Hooper-Greenhill. 2000. *Museums and the Interpretation of Visual Culture*. London & New York: Routledge, h.133.
- Indra Sengupta and Daud Ali. 2011. *Knowledge Production, Pedagogy and Institutions in Colonial India*. London: Palgrave Macmillan, h.1-10.
- Jennifer Kim Lian Chan & Eileen Yeoh. 2010. The Experiential Dimensions of Museum Experiences: The Visitors' Perspectives, *International Journal of Business and Accountancy*, Vol.1, No.1, h.27-29.
- Kraft, Sarah. 2018. *Acknowledging the Colonial Past: Display Methods of Ethnographic Objects*, Master of Arts in Museum Professions, Seton Hall University, h.1-9.
- Kumar Ramakrishna. 2002. *Emergency Propaganda, The Winning of Malaysia Hearts and Minds 1948-1958*, Surrey: Curzon Press, h.56.
- Maxwell, W.E. 1983. 'The Malay Peninsula: Its Resources And Prospects', in *Honourable Intentions*, Ed. P.H.Kratoska, Oxford University Press, h.132.
- Mohd Azmi Mohd Yusof. 2013. Menggiatkan Fungsi Muzium dan Upaya Memupuk Minat Sejarah di Kalangan Masyarakat Awam, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM, h.2.

- Paulette Dellios. 1999. *The Museum as Artifact, Made in Malaysia*, Tesis PhD untuk James Cook University of North Queensland.
- Peacock, B. A. V. 1955. *A Report on Museum in Malaya 1954, Federation of Malaya*. Kuala Lumpur.
- Syed Muhd Khairudin Aljunied. 2011. A Theory of Colonialism in The Malay World, *Postcolonial Studies*, 14:1, 7- 21.
- Kepentingan Mendaulatkan Institusi Beraja di Malaysia. 25 Februari 2019. [<http://www.mais.gov.my/info-mais/informasi/penerbitan/daulat-tuanku>]. 17 September 2019.